

SOALAN NO: 227

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

SOALAN:

**TUAN M. KULASEGARAN [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan semula Mahkamah Perusahaan. Nyatakan lokasi baru sekiranya Kerajaan bersetuju untuk berbuat sedemikian; dan
- (b) adakah lokasi baru ini mudah diakses oleh orang ramai dan peguam.

PR-1341-T71850

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebolehnya, pihak Kementerian ini ingin mengekalkan Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur di lokasi sedia ada di Jalan Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur. Pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi membaikpulih bangunan Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur yang sebahagiannya sangat uzur untuk dilaksanakan pada tahun lepas.
2. Namun begitu, bangunan yang didiami oleh Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur tersebut adalah terletak di atas lot tanah yang dimiliki oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Di dalam proses pelaksanaan projek pembangunan tersebut, keizinan Kerajaan Negeri Selangor perlu diperolehi. **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 22 September 2015 telah memutuskan untuk menolak cadangan Kementerian Sumber Manusia bagi pelaksanaan menaiktaraf Bangunan Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur.**
3. Susulan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor tersebut, Kementerian ini telah menerima surat arahan daripada Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 15 Oktober 2015 dan surat susulan bertarikh 4 Disember 2015 supaya Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur mengosongkan bangunan

yang didiami tersebut. Kementerian Sumber Manusia telah menghantar rayuan untuk terus menghuni bangunan tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

4. Dalam pada itu, pihak Kementerian Sumber Manusia sedang mencari lokasi baru yang bersesuaian untuk menempatkan Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur sekiranya terpaksa juga berpindah.